

## **Aduan : Time Share Re-Sale Scam**

Written by Administrator  
Friday, 11 September 2009 10:06 -

---

16 May 2008

Syarikat Flexisegar Sdn Bhd menawarkan khidmat penjualan balik keahlian kelab Berjaya Vacation saya pada tahun 2005 dengan syarat saya perlu menjadi ahli kepada Heritage Grand Vacation Club Bhd ( Co. No : 351775-V ) yang beralamat di Heritage Hotel Sdn Bhd , 1st Floor , Jalan Raja Dihilir , 30350 Ipoh , Perak Darul Ridzuan. Saya juga di janjikan oleh pihak Heritage Grand Vacation club cabutan kereta bertuah sekiranya saya membuat pembayaran RM 1,000.00 tiap tiap bulan.

Oleh kerana " janji" syarikat Flexisegar tidak terlaksana , saya pun telah menghentikan pembayaran keahlian saya kepada pihak " Heritage Grand Vacation Club ". Di sini saya turunkan pengaduan saya kepada pihak Tuan bagi mengambil tindakan terhadap syarikat yang terbabit.

Terima kasih.

Pengarah NCCC : Para pengguna adalah dinasihatkan agar mendapatkan kepastian dari syarikat perjanjian perkongsian masa mereka sekiranya perjanjian yang telah mereka tandatangani boleh dijual atau dipindah milik ke pihak ketiga. Kebanyakan perjanjian adalah tidak boleh dipindah milik.